

## BAB LIMA

### RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

#### 5.1. PENDAHULUAN

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat tentang konsep pendidikan yang terdapat di dalam ayat 12 - 19 surah Luqman. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana kaitan antara kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah hari ini menepati konsep pendidikan yang dijelaskan oleh Luqman Al-Hakim.

Berdasarkan kepada dapatan yang telah diperolehi, maka beberapa rumusan boleh dibuat :-

- i- Luqman Al - Hakim menentukan asas pendidikannya di atas tiga prinsip yang kukuh iaitu akidah, ibadat dan akhlak.
- ii- Kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah hari ini menepati asas pendidikan yang diutarakan oleh Luqman Al-Hakim.

## **5.2. RUMUSAN DAPATAN**

### **5.2.1. ASAS PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM**

Dapatan kajian ini yang telah dijalankan ini mendapati bahawa Luqman Al-Hakim telah menentukan pendidikan diasaskan di atas tiga prinsip yang kukuh iaitu akidah, ibadat dan akhlak. Oleh kerana akidah adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan seorang muslim, Luqman Al-Hakim telah mengingatkan anaknya supaya menjaga akidah mereka daripada sebarang perkara yang boleh menyebabkan mereka syirik kepada Allah. Tambahan pula syirik adalah salah satu daripada dosa besar yang tidak akan diampunkan oleh Allah kecuali dengan bertaubat.

Kajian ini juga mendapati bahawa akidah Islam yang bersumberkan wahyu mempunyai keistimewaan berbanding dengan kepercayaan-kepercayaan agama yang lain. Ciri-ciri akidah Islam seperti bersifat Uluhiyah dan Rububiyah dan sesuai dengan fitrah manusia tidak terdapat pada kepercayaan agama-agama lain. Ini membuktikan akidah Islam sesuai diamalkan oleh semua manusia tanpa mengira batasan geografi sesebuah negara, keturunan, bangsa ataupun warna kulit.

Dalam bahagian ibadat, Luqman Al-Hakim menekankan tentang kewajipan solat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam. Penekanan yang diberikan oleh

**Luqman Al-Hakim terhadap kewajipan solat ini bersesuaian dengan kedudukan solat di dalam Islam. Ia ditunaikan bukan sekadar memenuhi tuntutan rukun Islam yang lima bahkan lebih jauh daripada itu, ibadat solat mendidik manusia supaya sentiasa menjaga kebersihan, menepati masa dan mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat.**

**Luqman Al-Hakim juga menasihatkan anaknya supaya menyeru manusia agar menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Ini membuktikan bahawa konsep ibadat yang diutarakan oleh Luqman Al-Hakim bukan sekadar melibatkan hubungan manusia dengan Allah sahaja bahkan juga melibatkan hubungan manusia dengan alam sekitarnya dan manusia sesama manusia. Ini bersesuaian dengan konsep ibadat dalam Islam di mana ia bukan hanya melibatkan ibadat khusus sahaja bahkan juga ibadat umum.**

**Dalam bahagian akhlak pula, Luqman Al-Hakim menasihatkan anaknya supaya menghayati sifat-sifat mahmudah seperti sabar, tawadhu', sederhana dan menjauhi sifat takabur. Kesemua sifat yang dijelaskan oleh Luqman Al-Hakim itu adalah ciri-ciri ke arah kecemerlangan manusia seperti sabar menghadapi sebarang rintangan dan dugaan, sentiasa merendahkan diri dan tidak sompong serta sentiasa menghayati kesederhanaan dalam setiap tindakan dan tidak berlebih-lebihan kerana ia boleh memudharatkan diri.**

Kesimpulannya, walaupun Luqman hanya menjelaskan nasihatnya secara umum sahaja tetapi disebalik nasihatnya itu terdapat banyak lagi ilmu yang berkaitan dengan perkara-perkara tersebut.

Oleh itu, pengajaran ayat hafazan di sekolah-sekolah melalui mata pelajaran Pendidikan Islam seharusnya tidak hanya menekankan segi penghafalan ayat tersebut semata-semata bahkan yang jauh lebih penting daripada itu, sejauh mana pengajaran yang terkandung di dalam ayat tersebut dihayati oleh pelajar-pelajar dalam kehidupan seharian mereka.

Cadangan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan mata pelajaran Al-Quran dan menghafal Al-Quran sangatlah baik kerana pelajar akan dapat mengetahui isi kandungan Al-Quran. Apa yang lebih penting ialah bergantung kepada cara pelaksanaannya supaya pelajar-pelajar menerimanya sebagai sesuatu yang menyeronokkan ( Siddiq Fadzil, 1994 ).

### **5.2.2. KAITAN ANTARA KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DAN KONSEP**

#### **PENDIDIKAN LUQMAN**

Kajian ini juga mendapati bahawa kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang sedang dijalankan adalah menepati asas pendidikan yang diutarakan oleh Luqman Al-Hakim.

Sekiranya Luqman Al-Hakim menetapkan tiga asas pendidikan iaitu akidah, ibadat dan akhlak, maka kurikulum Pendidikan Islam juga meliputi ketiga-tiga bidang tersebut di samping asas kemahiran membaca Al-Quran melalui tilawah Al-Quran dan mengkaji sejarah perkembangan dan kemajuan Islam melalui sirah nabawiyah / tamadun Islam.

Perbincangan akidah, ibadat dan akhlak buka hanya terdapat pada bab tersebut sahaja bahkan turut juga disentuh dalam bahagian tilawah Al-Quran. Ini bersesuaian sekali dengan konsep gabungjalin yang diperkenalkan oleh KBSM di mana sesuatu mata pelajaran digabungjalinkan dengan mata pelajaran yang lain ataupun merentas kurikulum.

Kajian ini juga mendapati bahawa ayat 12 - 19 surah Luqman banyak membincangkan tentang asas pendidikan yang sewajarnya dihayati oleh semua orang terutamanya oleh golongan remaja yang mempelajari ayat tersebut. Sekiranya setiap orang pelajar menghayati ayat 12 - 19 yang dipelajarinya itu dan bukan sekadar menghafalnya bagi tujuan menjawab peperiksaan semata-mata, maka tidak akan timbul lagi masalah sosial di kalangan umat Islam khususnya yang melibatkan golongan remaja seperti masalah murtad, tidak menunaikan solat, penghantaran warga tua ke rumah orang-orang tua, pembaziran masa melalui budaya lepak dan sebagainya.

Oleh kerana sistem pendidikan hari ini yang berorientasikan peperiksaan dan ditambah lagi dengan sikap guru-guru Pendidikan Islam sendiri yang juga menumpukan kepada peperiksaan, maka lahirlah generasi pelajar yang mampu menghafal semua ayat hafazan tingkatan 1 - 5 tetapi tidak menghayati intisari ayat tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ayat-ayat tersebut dihafal untuk tujuan lulus peperiksaan dan bukan untuk dihayati.

Tidak dinafikan menghafal ayat-ayat tertentu daripada Al-Quran penting bagi orang Islam tetapi penghafalan dan menghayati isi kandungan ayat berkenaan adalah lebih baik daripada menghafal semata-mata tanpa mengetahui isi kandungannya serta tidak menghayatinya.

### **5.3. CADANGAN UNTUK PENYELIDIKAN LANJUT**

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, dikemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan penyelidikan selanjutnya :-

- i- Kajian selanjutnya boleh dilakukan lagi ke atas ayat 12 - 19 surah Luqman ini di mana tumpuan diberikan kepada melihat apakah kaedah ataupun metodologi yang digunakan oleh Luqman Al-Hakim untuk mendidik anaknya dan bagaimana penerimaan anaknya terhadap didikan tersebut.

ii- Pengkaji juga mencadangkan agar penyelidikan selanjutnya dibuat untuk melihat sejauh mana konsep pendidikan yang terdapat di dalam ayat 12 - 19 Surah Luqman ini dihayati di kalangan pelajar-pelajar yang telah mempelajarinya.